

## Minda Pengarang

## Kursus susulan mampu perkukuh institusi keluarga

Pengumuman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan melancarkan modul baharu pengukuhan perkahwinan sepatutnya disambut positif. Motifnya cukup jelas iaitu mahu mengeratkan hubungan kasih sayang suami isteri dan mengurangkan kadar perceraian sekali gus memperkukuh institusi keluarga. Bukan hanya untuk pasangan baharu tetapi juga pasangan yang sudah lama hidup sebagai suami isteri. Semua sedia maklum, majoriti orang dulu-dulu berkahwin atas pilihan keluarga. Berkahwin dulu baru bercinta dan mengenal hati budi masing-masing. Tetapi, hari ini, ia sudah terbalik. Majoriti orang dulu-dulu berkahwin atas pilihan keluarga. Berkahwin dulu baru bercinta dan mengenal hati budi masing-masing. Tetapi, pada hari ini, ia sudah terbalik. Orang sekarang bercinta 'bagai nak rak' tetapi belum tentu sampai ke jinjang pelamin. Malah, ramai juga yang baru setahun jagung berkahwin, bahtera pecah dilanda ombak. Antara puncanya ialah kerana tidak serasi atau semua yang manis sudah habis dinikmati ketika bercinta. Sebab itulah JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menyediakan program khas ini kerana mereka sedar betapa pentingnya pasangan berkahwin memiliki ilmu mengurus cabaran berumah tangga. Dalam perkembangan dunia yang semakin berubah, semua cabaran itu perlu ditangani dengan baik, bukannya secara emosi. Sekarang ini orang bercakap bukan sahaja mengenai suami memukul isteri tetapi juga isteri mendera suami. Itu belum ambil kira kadar perceraian.

Satu laporan pertengahan tahun lalu menyebut, pendaftaran perceraian di Selangor terus menunjukkan trend peningkatan apabila pada 2013, 19,932 kes didaftarkan, manakala pada 2014, 22,230 kes didaftarkan. Jadi, jika dinilai kepada fokus utama modul JAKIM untuk mengukuhkan perkahwinan, ia menekankan kepada praktikal, selain teori dalam ilmu rumah tangga termasuk mengenal dan memahami diri serta pasangan. Alangkah bagus jika suami isteri dapat meluangkan sedikit masa menyertai apa-apa sahaja program seperti seminar, multaqa, kursus, bengkel atau kempen untuk mengukuhkan institusi keluarga. Ramai mampu melangcong di dalam atau luar negara jadi apalah sangat jika dibandingkan dengan menyertai bengkel cuma sehari. JAKIM dan JAIN sudah menyediakan platform melalui pendekatan al Wiqayah (pencegahan dan pengukuhan) dan al Tarbiyah wa al Nashihah (bimbingan dan nasihat), gunakan sepenuhnya peluang ini demi keluarga. Jika hanya mahu mengharapkan kursus asas praperkahwinan, ia jauh daripada mencukupi kerana itu sekadar syarat untuk bernikah. Sedangkan cabaran berumah tangga jauh lebih hebat. Mungkin sudah tiba masanya JAKIM dan JAIN mewajibkan pasangan Islam yang sudah kahwin supaya menyertai kursus susulan, mungkin tiga atau empat tahun sekali untuk memantapkan ilmu, hubungan kekeluargaan atau membentulkan kelemahan yang ada. Ada benarnya bahawa kisah baik buruk pasangan boleh dijadikan rujukan atau kajian kes supaya kita sama-sama dapat menjadikannya sebagai panduan atau pengajaran. Soal bagaimana ia perlu dilaksanakan, itu boleh difikirkan bersama untuk mekanisme yang bersesuaian.



PROF EMERITUS  
IBRAHIM KOMOO

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Utusan  
Kumpulan NSTP  
Datuk Abdul Jali Hamid  
jalih@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
Datuk Makfar Ali  
makfar@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
Datuk Badrudhisham  
Othman  
banoth@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengurusan Perbankan & Digital  
Rosli Safar  
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Bertela Rencana Digital  
Ahmad Zaini  
kamaruzaman  
mudzaini@bh.com.my

BH  
diterbitkan oleh The New  
Straits Times Press (M) Bhd,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur,  
Tel: 3-300-22-6787  
Faks: 03-20507081  
Laman Web:  
www.bharian.com.my  
E-mail:  
bhrencana@bh.com.my

# Perlombongan bauksit usah jejas alam sekitar

## Aktiviti perlu amal wawasan pembangunan lestari

Pencemaran air dan udara akibat perlombongan bauksit di Kuantan sudah tidak terkawal. Sungai dan air laut bertukar warna akibat perladakan dan debu merah memenuhi ruang udara di kawasan perlombongan, sepanjang jalan lori pengangkut bijih dan di kawasan pelabuhan. Lebih mendesak, komuniti setempat menjadi mangsa utama pencemaran alam sekitar. Pastinya, proses perlombongan bauksit ini melampaui kelestarian alam.

Perlombongan adalah aktiviti ekonomi utama pembangunan negara sejak ratusan tahun lamanya. Kuala Lumpur dan Ipoh umpamanya, terbangun menjadi bandar raya utama disebabkan perlombongan bijih timah. Sehingga hari ini, impak perlombongan boleh dirasai. Sebahagian tanah terbiar dengan ratusan kolam dan tasik adalah bekas kawasan lombong. Mujur kemajuan teknologi dan permintaan pembangunan pesat berupaya membaikpulih bekas lombong menjadi kawasan perumahan dan pusat bandar baharu.

Sejak 1980-an, kesedaran global pentingnya memulihara alam sekitar beri tekanan kepada aktiviti perlombongan dan pengkuarian, diikuti kejatuhan harga bijih menyebabkan aktiviti perlombongan jadi kurang berekonomi. Alam sekitar mulai bernafas, aktiviti perlombongan semakin menguncup dan usaha memulihara alam sekitar berkembang segar. Tekanan alam sekitar pasca-1980 hanya berkaitan pembukaan tanah untuk perladangan.

### Kesan perlombongan bauksit

Proses perlombongan ada dua jenis - lombong bawah tanah dan permukaan. Di Malaysia, lombong permukaan terbahagi kepada dua, iaitu lombong endapan aluvium (bijih angkutan sungai) dan tanah baki (luluhawa batuan). Kebanyakan perlombongan bijih timah di negara satu ketika dulu dilakukan pada dataran aluvium di kawasan pamah dan sepanjang lembah sungai.

Kita ada pengalaman melombong bauksit di Teluk Ramunia, Pengerang, Johor yang diberhentikan sekitar 1970-an dan kesannya dilihat hingga sekarang. Perlombongan bauksit dilakukan dengan menaruh tanah baki hasil luluhawa batuan mengandungi aluminium tinggi. Tebal lapisan yang dilombong boleh capai 10m atau hingga mencapai batuan dasar. Akibatnya, lapisan tanah di kawasan meluas akan gersang dan tidak sesuai lagi untuk pertanian.

Pada era masyarakat prihatin alam sekitar, projek perlombongan dilihat sebagai

aktiviti tidak lestari. Banyak kekangan dikenakan sehingga pelbagai inovasi diperkenalkan pada peringkat global bagi memastikan ia masih relevan dan mengamalkan wawasan pembangunan lestari. Di Malaysia, aktiviti muncul semula ini nampaknya masih amal set minda perlombongan 1970-an.

Banyak penambahbaikan teknologi perlombongan diperkenalkan. Antara perkara yang diberi perhatian serius dalam era perlombongan moden ialah:

●Perlombongan lazimnya projek 20 hingga 50 tahun. Setiap projek perlu dirancang berasaskan perancangan pembangunan lestari wilayah, dimajukan syarikat besar berkeupayaan tinggi dan beri perhatian besar kepada impak pencemaran alam sekitar. Perkongsian keuntungan boleh berasas kepada konsep pelaburan bersama, bukan dengan memberikan kepada banyak syarikat kecil mengendalikannya;

### Kawasan perbandaran tidak sesuai

●Pembangunan perbandaran tidak boleh seiring dengan pembangunan perlombongan. Aktiviti perlombongan perlu didahulukan di kawasan terpencil. Apabila selesai barulah proses perbandaran dipertimbangkan di kawasan sama. Kawasan dibangunkan untuk perbandaran tidak sesuai lagi dijalankan perlombongan. Jika sumber bijih di sekitar kawasan perbandaran tidak dikenalpasti awal dan diterokai, ia akan terperangkap dan tidak boleh dilombong lagi demi kesejahteraan masyarakat;

●Perancangan perlombongan perlu teliti komponen berikut: kawasan perlombongan dan pembuangan sisa lombong; sistem pengangkutan bijih dan pelabuhan; dan sistem pemrosesan bijih kepada produk boleh pasar. Setiap komponen ini berupaya mencemar dan memudaratkan ekosistem. Akhirnya komuniti dan aktiviti lain terjejas. Kawalan meminimumkan impak boleh dilakukan dengan menggunakan teknologi canggih atau sistem tabii;

●Setiap jenis bijih mempunyai ciri tersendiri yang perlu diberi perhatian. Bagi perlombongan bauksit umpamanya, bijih berbentuk tanah baki batuan terluluhawa membentuk permukaan bumi meluas. Proses pembentukan tanah baki berbijih dan lapisan tanah ambil masa jutaan tahun. Aspek kemusnahan lapisan tanah subur, pencemaran air dan udara, dan degradasi landskap adalah perkara perlu ditangani dengan bijaksana dan lestari.

Perlombongan bauksit di Kuantan mungkin tidak dalam perancangan jangka panjang proses pembangunan negara. Ia mungkin dibangunkan secara tergesa-gesa selepas melihat peluang keemasan. Akibatnya, ia menimbulkan krisis antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Kerajaan negeri perlu ambil tindakan segera sebelum nasi menjadi bubur.

### Penulis

ialah Prof Emeritus, Ketua, Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN) dan Felo Utama, Insitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM

## Cakap-Cakap

Pekerja sektor swasta berharap KWSP isytihar dividen lebih tinggi tahun ini memandangkan kos sara hidup meningkat selain kesan GST.

Mamat - Harapan kena realistik

